

## **GARIS PANDUAN PELUPUSAN SISA KIMIA, BOTOL KOSONG DAN PERALATAN KACA**

### **PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN SISA KIMIA, BOTOL KOSONG DAN PERALATAN KACA DI PERINGKAT PTJ**

#### **2.2.1 Pegawai Bertanggungjawab**

- i. Pegawai Bertanggungjawab daripada setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) yang terlibat dengan penghasilan sisa kimia, botol kosong dan peralatan kaca perlu memastikan semua sisa tersebut dibawa keluar daripada lokasi penyimpanan di PTj mengikut Jadual Pelupusan Buangan Terjadual (Sisa Kimia), Botol Kosong & Peralatan Kaca yang disediakan oleh Pusat Pengurusan Risiko, **Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH)**.
- ii. Pegawai Bertanggungjawab perlu memastikan penyimpanan sisa kimia, botol kosong dan peralatan kaca di PTj **tidak melebihi 180 hari** dengan syarat tidak melebihi **20 tan metrik**.
- iii. Pegawai Bertanggungjawab perlu mengesahkan Borang Pelupusan Buangan Terjadual (Sisa Kimia) dan Borang Pelupusan Botol Kosong & Peralatan Kaca yang telah dilengkапkan oleh wakil **daripada** makmal.
- iv. Pegawai Bertanggungjawab PTj perlu meringkaskan maklumat berdasarkan Borang Pelupusan Buangan Terjadual (Sisa Kimia) (UKM-SPKP-ROSH-PK04-BO01) dan Borang Pelupusan Botol Kosong & Peralatan Kaca (UKM-SPKP-ROSH-PK04-BO03) yang diperolehi daripada makmal seliaan masing-masing ke dalam Borang Ringkasan Pelupusan Buangan Terjadual (Sisa Kimia) (UKM-SPKP-ROSH-PK04-BO02) dan Borang Ringkasan Pelupusan Botol Kosong & Peralatan Kaca (UKM-SPKP-ROSH-PK04-BO04).
- v. Pegawai Bertanggungjawab PTj perlu memastikan Borang Ringkasan Pelupusan Buangan Terjadual (Sisa Kimia) (UKM-SPKP-ROSH-PK04-BO02) dan Borang Ringkasan Pelupusan Botol Kosong & Peralatan Kaca (UKM-SPKP-ROSH-PK04-BO04) dihantar ke Pusat Pengurusan Risiko, **Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH)** mengikut tarikh yang telah ditetapkan di dalam Jadual Pelupusan Buangan Terjadual (Sisa Kimia), Botol Kosong dan Peralatan Kaca. Satu salinan borang disimpan di PTj sebagai rekod.

vi. **Pemantauan Pembungkusan**

PTj perlu memastikan terdapat **Pegawai Bertanggungjawab** yang memantau bagi aktiviti pembungkusan yang dijalankan di PTj. Perkara yang perlu dipantau adalah:

- a. pemakaian kelengkapan pelindung diri;
- b. pelabelan pada bekas;
- c. kesesuaian lokasi pengumpulan;
- d. memastikan hanya makmal yang menghantar borang sahaja yang keluarkan sisa untuk dibawa ke lokasi pengumpulan; DAN
- e. lain-lain perkara yang berkaitan

vii. Sebelum dibawa keluar daripada lokasi penyimpanan di PTj, Pegawai Bertanggungjawab memastikan semua kakitangan seliaan mematuhi panduan pengendalian sisa kimia seperti yang tertera dalam perkara 2.2.2

## **2.2.2 Pengendali**

i. **Pengenalpastian Buangan Yang Terhasil**

Membuat pengenalpastian buangan yang terhasil.

ii. **Pengasingan Sisa Kimia:**

Membuat pengasingan sisa kimia mengikut keserasian (rujuk Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 Jadual Keempat (Peraturan 2): Buangan Terjadual Dengan Potensi Ketakserasan).

iii. **Pelabelan Sisa Kimia:**

Melabelkan sisa kimia mengikut **kod buangan terjadual** dengan menggunakan label yang disediakan oleh ROSH.

iv. **Penstoran Sisa Kimia, Botol Kosong Dan Peralatan Kaca:**

Memastikan semua sisa kimia yang terhasil dikumpulkan di dalam bekas penyimpanan yang bersesuaian. Sisa kimia, botol kosong dan peralatan kaca mestilah diletakkan di dalam bekas sekunder dan dikumpulkan di lokasi yang selamat.

- v. **Pengisian dan Penyimpanan Borang Pelupusan Buangan Terjadual (Sisa Kimia) dan Borang Pelupusan Botol Kosong & Peralatan Kaca:**
- a. Borang Pelupusan Buangan Terjadual (Sisa Kimia) dan Borang Pelupusan Botol Kosong & Peralatan Kaca mestilah dilengkapkan oleh setiap wakil makmal yang terlibat dengan pelupusan sisa tersebut dan dihantar kepada Pegawai Bertanggungjawab untuk pengesahan dan menyimpan satu salinan sebagai rekod.
  - b. Semua Borang Pelupusan Buangan Terjadual (Sisa Kimia) dan Borang Pelupusan Botol Kosong & Peralatan Kaca hendaklah disimpan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun (rujuk Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005). Rekod tersebut mestilah difaikkan di makmal yang terlibat.
- vi. **Pengumpulan Sisa Kimia, Botol Kosong & Peralatan Kaca Pada Hari Pembungkusan:**  
PTj perlu mengumpulkan sisa kimia, botol kosong dan peralatan kaca di tempat yang telah ditetapkan pada hari pembungkusan mengikut [kod buangan terjadual](#).
- vii. **Pematuhan Pemakaian Kelengkapan Pelindung Diri:**  
PTj perlu memastikan semua kakitangan yang terlibat dengan prosedur di atas memakai kelengkapan pelindung diri seperti baju makmal, sarung tangan, kasut bertutup/ keselamatan, penutup mulut (*mask*) (jika perlu) dan cermin mata keselamatan (jika perlu).
- viii. **Penyediaan Alat Nyahcemar**  
PTj perlu memastikan alat nyahcemar disediakan sewaktu kerja-kerja mengumpul sisa dijalankan dan boleh dicapai pada bila-bila masa.

**ix. Pemantauan Pembungkusan**

PTj perlu memastikan terdapat pegawai yang memantau bagi aktiviti pembungkusan yang dijalankan di PTj. Perkara yang perlu dipantau adalah:

- a. Pemakaian kelengkapan pelindung diri;
- b. Pelabelan pada bekas ([mengikut kod SW](#));
- c. [Bekas/ botol sisa kimia diletakkan di dalam bekas sekunder](#);
- d. Kesesuaian lokasi pengumpulan;
- e. Memastikan hanya makmal yang menghantar borang sahaja yang keluarkan sisa [untuk dibawa ke lokasi pengumpulan](#); DAN
- f. lain-lain perkara yang berkaitan